



30 Disember 2020
30 December 2020
P.U. (A) 391

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2020

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
(NO. 3) RULES 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 3) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10M) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud keberterusan hidup. (10N) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(l) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud keberterusan hidup, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga, sekiranya—

(a) tiada caruman di bawah subseksyen 43(1) Akta dikreditkan ke dalam akaun ahli Kumpulan Wang itu dalam tempoh dua bulan berturut-turut sebelum tarikh notis pengeluaran itu diterima oleh Lembaga; atau

(b) caruman di bawah subseksyen 43(1) Akta yang dikreditkan ke dalam akaun ahli Kumpulan Wang itu berkurangan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus atau lebih dalam mana-mana bulan dalam tahun 2020 atau 2021 sebelum tarikh notis pengeluaran itu diterima oleh Lembaga.

(100) Notis pengeluaran yang disebut dalam subkaedah (10N) hendaklah dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu kepada Lembaga hanya sekali pada bila-bila masa antara 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(10P) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang dan ahli Kumpulan Wang itu telah memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (10N), Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun yang ada pada kreditnya dalam Akaun I seperti yang berikut:

(a) jika Akaun I ahli Kumpulan Wang itu mempunyai kredit tidak melebihi satu ratus ribu ringgit pada tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan, suatu amaun yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit tertakluk kepada amaun pengeluaran bagi bulan pertama tidak melebihi lima ribu ringgit; atau

(b) jika Akaun I ahli Kumpulan Wang itu mempunyai kredit melebihi satu ratus ribu ringgit pada tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan, suatu amaun yang tidak melebihi sepuluh peratus daripada kredit dalam akaunnya atau enam puluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih rendah, tertakluk kepada amaun pengeluaran bagi bulan pertama tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(10Q) Bagi maksud perenggan (10P)(a) dan (b)—

(a) jumlah bilangan pengeluaran Akaun I tidak boleh melebihi enam kali dari tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan; dan

(b) suatu amaun pengeluaran bagi bulan berikutnya tidak boleh kurang daripada satu ribu ringgit kecuali bagi bulan terakhir yang amaunnya tidak boleh kurang daripada lima puluh ringgit.

(10R) (a) Jika Lembaga tidak berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang atau ahli Kumpulan Wang itu tidak memenuhi syarat yang dinyatakan dalam subkaedah (10N), Lembaga boleh mengarahkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen tambahan untuk menyokong notis pengeluarannya dalam

tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (10O).

- (b) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun yang ada pada kreditnya dalam Akaun I dan membayar sebahagian atau keseluruhan jumlah yang diperlukan bagi pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud keberterusan hidup dan keputusan Lembaga adalah muktamad.

(10S) Ahli Kumpulan Wang itu hendaklah, pada setiap masa dalam tempoh pengeluaran yang disebut dalam perenggan (10Q)(a), mempunyai amaun yang ada pada kreditnya dalam Akaun I sekurang-kurangnya satu ratus ringgit.

(10T) (a) Ahli Kumpulan Wang itu boleh memohon kepada Lembaga untuk membatalkan notis pengeluaran pada bila-bila masa sebelum 31 Disember 2021.

- (b) Jika notis pengeluaran yang terdahulu telah dibatalkan, ahli Kumpulan Wang itu tidak dibenarkan untuk mengemukakan suatu notis pengeluaran baharu di bawah subkaedah (10N).

Dibuat 29 Disember 2020
[KWSP/JUU/9/1/GUB(U)34; PN(PU2)498/XVI]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 3) RULES 2020

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [Act 452], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) (No. 3) Rules 2020**.

(2) These Rules come into operation on 1 January 2021.

Amendment of rule 41

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [P.U. (A) 493/1991] are amended in rule 41 by inserting after subrule (10M) the following subrules:

“Member of Fund requires financing to increase his income for the purposes of survival.

(10N) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)(l) of the Act on the ground that a member of the Fund requires financing to increase his income for the purposes of survival, the member of the Fund shall give a notice of withdrawal to the Board, in accordance with any manner as may be determined by the Board, if —

(a) no contribution under subsection 43(1) of the Act is credited into the account of the member of the Fund within the period of two consecutive months prior to the date of the notice of withdrawal is received by the Board; or

- (b)* the contribution under subsection 43(1) of the Act which is credited into the account of the member of the Fund is reduced at least thirty per centum or more in any month in the year of 2020 or 2021 prior to the date of the notice of withdrawal is received by the Board.

(100) The notice of withdrawal referred to in subrule (10N) shall be submitted by the member of the Fund to the Board only once at any time between 1 January 2021 to 30 June 2021 or any other period as may be determined by the Board.

(10P) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund and that member of the Fund has fulfilled the condition specified in subrule (10N), the Board may authorize the member of the Fund to withdraw an amount standing to his credit in Account I as follows:

- (a)* if the Account I of the member of the Fund has credit not exceeding one hundred thousand ringgit on the date of the notice of withdrawal is authorized, an amount which shall not exceed ten thousand ringgit subject to the amount of withdrawal for the first month not exceeding five thousand ringgit; or
- (b)* if the Account I of the member of the Fund has credit more than one hundred thousand ringgit on the date of the notice

of withdrawal is authorized, an amount which shall not exceed ten per centum of the credit in his account or sixty thousand ringgit, whichever is lesser, subject to the amount of withdrawal for the first month not exceeding ten thousand ringgit.

(10Q) For the purposes of paragraphs (10P)(a) and (b)—

(a) the total number of withdrawal of Account I shall not exceed six times from the date of the notice of withdrawal is authorized; and

(b) an amount of withdrawal for the subsequent months shall not be less than one thousand ringgit except for the final month which amount shall not be less than fifty ringgit.

(10R) (a) Where the Board is not satisfied with the notice of withdrawal submitted by the member of the Fund or that member of the Fund does not fulfill the condition specified in subrule (10N), the Board may direct the member of the Fund to submit any additional document to support his notice of withdrawal within the period specified in paragraph (100).

(b) The Board may, subject to any terms and conditions as the Board thinks

appropriate, authorize the member of the Fund to withdraw an amount standing to his credit in Account I and pay partly or wholly the sum required for financing to increase his income for the purposes of survival and the decision of the Board shall be final.

(10S) The member of the Fund shall, at all times within the period of withdrawal referred to in paragraph (10Q)(a), have amount standing to his credit in Account I at least one hundred ringgit.

(10T) (a) The member of the Fund may request to the Board to revoke the notice of withdrawal at any time before 31 December 2021.

(b) If the former notice of withdrawal has been revoked, the member of the Fund is not allowed to submit a new notice of withdrawal under subrule (10N).

Made 29 December 2020
[KWSP/JUU/9/1/GUB(U)34; PN(PU2)498/XVI]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR
Chairman
Employees Provident Fund Board